



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8892 6600 Faks: 03-8892 6616

Laman web: [www.wipers.gov.my](http://www.wipers.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### WILAYAH PERSEKUTUAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT ROMBONGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SEMPENA SUKMA XIX PERAK 2018.

**PUTRAJAYA, 23 JULAI** – Kontinjen Wilayah Persekutuan hari ini menerima kunjungan hormat daripada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan sempena penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) XIX Perak 2018 yang akan berlangsung pada 11 hingga 22 September depan. Acara kunjung hormat ini adalah salah satu tradisi yang diamalkan di setiap negeri penganjur SUKMA bagi menyampaikan watikah jemputan ke temasya tersebut.

Majlis kunjungan hormat ini diketuai oleh YAB Tuan Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu Menteri Besar Perak diiringi Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pembangunan Modal Insan Negeri Perak Howard Lee Chuan How. Majlis ini juga turut disempurnakan oleh YB Tuan Haji Khalid Bin Abd Samad.

SUKMA edisi ke-19 ini membabitkan 12 daerah sekitar Perak dan Kontinjen Wilayah Persekutuan akan menghantar seramai 755 orang terdiri daripada atlet, pegawai dan jurulatih dalam 29 sukan yang ditandingi pada kejohanan tersebut. Kontinjen Wilayah Persekutuan juga kini sudah bersiap sedia untuk memperbaiki kedudukan pada SUKMA yang lalu.

Meskipun Selangor, Terengganu, Sarawak dan tuan rumah (Perak) dikenalpasti sebagai pencabar terdekat pada kali ini, namun Wilayah Persekutuan percaya melalui pembangunan sukan yang telah dilaksanakan, kita mampu mencapai sasaran.

**Disediakan Oleh:**

**Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**